




HARI : JUMAAT
TARIKH : 31/1/2020
M/SURAT : 1

Saifuddin
nafi 10,000
ahli PKR
keluar parti



Saifuddin nafi 10,000 keluar PKR

FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

Dakwaan mengenai seramai 10,000 ahli PKR keluar parti jika Zuraida dipecat

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

KAJANG

Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menegaskan beliau tidak mengetahui mengenai dakwaan bahawa seramai 10,000 ahli PKR akan keluar parti itu sekiranya Naib Presiden PKR, Zuraida Kamaruddin dipecat.

Saifuddin sebaliknya berkata, apa yang diketahuinya ialah par-

ti itu mendaftarkan seramai 10,000 kemasukan ahli baharu pada setiap minggu melalui 222 cabang PKR di seluruh Malaysia.

Menurutnya, keahlian PKR kini hanya memerlukan seramai 30,000 orang ahli baharu sebelum mencapai angka seramai sejuta ahli.

“Saya tak tahu berapa ramai nak keluar tetapi sebagai Setiausaha Agung PKR, tugas saya setiap minggu melaporkan dalam mesyuarat biro politik tentang kemasukan ahli baharu dalam parti iaitu kemasukan seramai 10,000 ahli seminggu,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Kempen Beli Barang Malaysia Bersama Tesco di Tesco Extra Kajang di sini semalam.

Kelmarin *Sinar Harian* melaporkan, lebih 10,000 ahli PKR

daripada 13 cabang di Pulau Pinang bertekad meninggalkan parti itu sekiranya Zuraida dipecat.

Pengerusi Persatuan Penggerak Muafakat Nasional Pulau Pinang, Shahrudin Mohd Shariff berkata, pihaknya bersedia untuk berbuat demikian, namun akan mempertahankan terlebih dahulu pemimpin mereka daripada diambil tindakan.

Namun, Saifuddin menganggap kenyataan yang dibuat oleh penyokong Zuraida itu dilafazkan ketika mereka dalam keadaan marah.

“Perkara belum berlaku (seramai 10,000 ahli keluar parti), cuma kenyataan. Ketika demonstrasi, suhu marah itu tinggi, jadi bila pemberita tanya, dia pun petiklah 10,000 (ahli akan keluar parti),” kata beliau.



Saifuddin (dua dari kanan) melawat barang jualan Tesco selepas merasmikan Kempen Beli Barangan Malaysia Bersama Tesco Extra Kajang semalam.